

# Simposium Kebangsaan Bahan-bahan Polimer (NSPM) 2010

Satu Simposium Kebangsaan Bahan-bahan Polimer (NSPM) telah diadakan pada 8 hingga 10 November 2010 yang lalu bertempat di Awana Porto Malai Resort, Langkawi, Kedah. Simposium ini adalah anjuran Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan, Universiti Malaysia Perlis. Upacara perasmian telah disempurnakan oleh Profesor Dr Sazali Yaacob, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) yang mewakili Naib Canselor UniMAP dan diserikan lagi dengan kehadiran Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan UniMAP.

Sementara itu, 3 sesi 'Keynote' telah diadakan dengan pembentang pertama adalah Mr Lim Kok Boon dari Malaysian Plastics Manufacturers Association (MPMA) dengan tajuk Challenges and Opportunities of the Malaysian Plastics Industry, pembentang kedua adalah Mr Or Tan Teng dari Malaysian Rubber Products Manufacturing Association (MRPMA) dengan tajuk The Technology for Manufacturing Larger Rubber Articles for Engineering Applications dan pembentang ketiga adalah dari Prof Dr Hanafi Ismail, dari School of Materials and Mineral Resources Engineering, USM dengan tajuk Waste of NBR Gloves - A Novel Recycling Technique.

NSPM dikenali sebagai satu platform yang berkesan bagi penyelidik-penyelidik, ahli-ahli akademik dan usahawan seluruh negara untuk berkongsi ilmu pengetahuan mereka di samping menjaga pemikiran yang inovatif. Ia menawarkan satu peluang yang cemerlang bagi mewujudkan satu rangkaian yang meluas di kalangan para peserta daripada pelbagai bidang kepakaran. Menyedari hakikat ini, Universiti Malaysia Perlis cuba menggembeng tenaga mengumpulkan pakar-pakar terdiri daripada pelbagai bidang khusus sub-kepakaran untuk membincangkan secara kritis terhadap penerokaan peluang mengembangkan bidang polimer. Natijah daripada usaha ini

diharapkan agar bidang polimer akan dapat diteroka secara lebih intensif seterusnya menggerakkan usaha bersepadu memperkasakan bidang penyelidikan di Malaysia.

Objektif simposium ini adalah untuk menyediakan satu platform bagi mereka yang terbabit dalam sains polimer dan teknologi untuk berinteraksi, bertukar pengetahuan, idea-idea dan menjalin hubungan erat serta meningkatkan kemahiran dan menyebarkan ilmu baru dalam bahan-bahan polimer dan memudahkan dan menggalakkan kerjasama penyelidikan di masa hadapan antara ahli-ahli akademik dan pihak industri.

Secara amnya persidangan ini disasarkan kepada siswazah daripada pelbagai institusi pengajian tinggi awam mahupun swasta, ahli-ahli akademik daripada pelbagai institusi pengajian tinggi, penyelidik daripada sektor-sektor awam dan swasta serta individu yang berminat dengan bidang polimer. Jumlah penyertaan adalah melebihi 100 penyertaan yang terdiri daripada seluruh IPTA dan IPTS seperti Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Teknologi Mara, Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Kuala Lumpur, Politeknik Melaka dan beberapa institusi atau pusat penyelidikan lain. Upacara penutup simposium telah diserikan lagi dengan penyerahan tuan rumah NSPM2011 pada wakil Universiti Teknologi Malaysia.

